



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

## PERMOHONAN JAWATAN PENTADBIR AKADEMIK

Permohonan hendaklah dibuat dalam 2 (DUA) salinan

Sertakan  
gambar  
terkini  
berukuran  
passport

A. JAWATAN YANG DIPOHON													
1.	Nama Jawatan : <input type="text"/>												
B. KETERANGAN DIRI													
2.	Nombor Pekerja <input type="text"/> <input type="text"/>												
3.	Nama Penuh (Seperti dalam K/Pengenalan) : <input type="text"/>												
4.	Jawatan Sekarang : <input type="text"/> Jabatan Sekarang : <input type="text"/>												
5.	No. Telefon (Pejabat) : <input type="text"/> Telefon Bimbit : <input type="text"/>												
D. KELULUSAN AKADEMIK TERTINGGI ( Sertakan salinan sijil yang telah disahkan)													
6.	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Ijazah (Sarjana/ PhD)</th> <th>Bidang Pengkhususan</th> <th>Universiti</th> <th>Tahun</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td> </td> <td> </td> <td> </td> <td> </td> </tr> <tr> <td> </td> <td> </td> <td> </td> <td> </td> </tr> </tbody> </table>	Ijazah (Sarjana/ PhD)	Bidang Pengkhususan	Universiti	Tahun								
Ijazah (Sarjana/ PhD)	Bidang Pengkhususan	Universiti	Tahun										
E. PENGAKUAN PEMOHON													
7.	<p>Saya mengaku bahawa segala keterangan di atas adalah benar dan betul.</p> <p>Tandatangan : .....</p> <p>Tarikh : .....</p>												
F. PERAKUAN KETUA JABATAN													
8.	<p>Disahkan bahawa pemohon telah menyalurkan permohonannya melalui Ketua Jabatan.</p> <p>Permohonan adalah :</p> <p><input type="checkbox"/> Disokong    <input type="checkbox"/> Tidak disokong</p> <p>Sila tanda (✓) pada petak berkenaan</p> <p>Tandatangan:.....</p> <p>Nama:.....</p> <p>Cop Jabatan:.....</p> <p>Tarikh : .....</p>												
G. KEGUNAAN URUSETIA													
9.	Permohonan penama diterima pada: .....												

Tarikh tutup permohonan : 12 Februari 2024 (Isnin)

**PERINGATAN :** Sila kemukakan CV yang lengkap dan penyataan kelebihan / sumbangan pemohon kepada Urusetia Jawatankuasa Pemilih Pelantikan Pentadbir Akademik di Bahagian Pentadbiran UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang.

**PERMOHONAN UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN  
PENTADBIR AKADEMIK  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

BIL	PERKARA	MAKLUMAT
1.	Kekosongan Jawatan	<b>1. Koordinator Program Diploma Pengurusan Maklumat (IM110)</b>
2.	Kriteria-kriteria calon yang dikehendaki	Sila rujuk Lampiran B dan Pekeliling Akademik Universiti Teknologi MARA Bilangan 18 Tahun 2023
3.	Cara-cara memohon	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengisi borang yang disertakan bersama dua (2) keping gambar berukuran passport.</li> <li>2. Mengemukakan <i>curriculum vitae</i> (cv) yang lengkap (mengandungi butir-butir peribadi, maklumatkerjaya, sumbangan kepada Universiti dan masyarakat serta dua orang referee peribadi).</li> <li>3. Nyatakan kelebihan dan sumbangan profesional yang boleh diberikan kepada Universiti sekiranya dipilih memegang jawatan ini (tidak lebih dari dua muka surat sahaja).</li> </ol>
4.	Tarikh tutup permohonan	<b>12 Februari 2024 ( Isnin )</b>
5.	Permohonan hendaklah dihantar kepada	Timbalan Pendaftar Kanan Bahagian Pentadbiran UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang 18500 Machang Kelantan

**KRITERIA PEMILIHAN JAWATAN  
PENTADBIR AKADEMIK  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

Pemilihan jawatan mestilah berasaskan kepada kriteria-kriteria seperti berikut:

**i. Kecemerlangan Akademik**

Penyandang mestilah telah disahkan dalam perkhidmatan, mempunyai kelayakan akademik, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod baik dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran. dan cemerlang dalam khidmat profesional.

**ii. Kebolehan Memimpin dan Mengurus Penyandang mestilah :**

- a. Mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang dan dihormati.
- b. Mempunyai *people skills* yang boleh menerajui transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik: memiliki kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.
- c. Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi.
- d. Berkeupayaan mengenalpasti konflik dan menguruskan dengan baik serta berhemah.
- e. Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan universiti dan pendidikan tinggi negara secara keseluruhannya.

**iii. Reputasi**

Penyandang mestilah:

- a. Menjadi '*role model*' kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.
- b. Mempamerkan sifat kepimpinan melalui teladan kepada mereka yang di bawah pimpinannya.

**iv. Personaliti**

Penyandang mestilah:

- a. Seorang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.
- b. Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni dan Negara.

- v. Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai berdasarkan *niche* area Universiti.



# AKADEMIK

## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### Bilangan 18 Tahun 2023

## PROSEDUR LANTIKAN PENTADBIR AKADEMIK DARIPADA PENSYARAH DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan pihak yang berkepentingan berkenaan penyelarasan prosedur lantikan pentadbir akademik daripada pensyarah di UiTM.

### LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bilangan 36 / 2022 pada 23 November 2022 dan Bilangan 03 / 2023 pada 18 Januari 2023 telah berkeputusan meluluskan penyelarasan dasar lantikan pentadbir akademik daripada pensyarah di UiTM mestilah dengan persetujuan dan kelulusan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) sama ada berelaun atau tanpa elaun.

3. Ini penting dalam menambahbaik prosedur yang baharu, jelas dan praktikal dengan mengambil kira implikasi sumber manusia, kewangan, waran perjawatan serta Amanah Tugasan Pensyarah (ATP) di semua kolej pengajian, fakulti, pusat akademik dan UiTM Cawangan.

### PELAKSANAAN

4. Prosedur ini adalah tertakluk kepada jawatan pentadbir akademik yang dilantik di peringkat pengurusan eksekutif dan operasi sesebuah PTJ iaitu:

- i. Penolong Naib Canselor / Dekan / Pengarah / Timbalan Dekan / Timbalan Rektor / Timbalan Pengarah;
- ii. Ketua Pengajian / Ketua Jabatan Pengajian / Ketua Pusat Pengajian / Ketua Unit dan;
- iii. Koordinator Bidang / Koordinator Program / Koordinator Unit.

5. Berikut adalah tiga (3) kategori situasi yang memerlukan penelitian Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) terlebih dahulu sebelum dimajukan kepada Mesyuarat MEU untuk kelulusan iaitu:

- i. Jawatan pentadbir akademik yang baharu dan tiada ketetapan syarat lantikan dalam pekeliling akademik sedia ada atau perjawatan;
- ii. Jawatan pentadbir akademik yang sedia ada dan baharu ingin diwujudkan atau dinaik taraf atau diturun taraf di sesebuah PTJ atau;
- iii. Jawatan pentadbir akademik sedia ada yang ingin dilupuskan di sesebuah PTJ.

6. Pensyarah layak memohon sesuatu jawatan pentadbir akademik yang diiklankan oleh sesebuah PTJ jika memenuhi tujuh (7) syarat umum berikut iaitu:

- i. Sekurang-kurangnya pensyarah kanan bergred DM52 atau lebih tinggi;
- ii. Telah disahkan dalam jawatan semasa memohon;
- iii. Telah membuat pengisytiharan harta semasa memohon;
- iv. Bebas daripada sebarang tempoh hukuman tatatertib universiti dan / atau prosiding tatatertib universiti dan / atau pendakwaan di mahkamah;
- v. Mencapai markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 85% dan ke atas bagi tiga (3) tahun terkini;
- vi. Memenuhi keperluan jawatan pentadbir akademik merujuk kepada Pekeliling Akademik Bil. 15 / 2021 atau keperluan jawatan oleh PTJ yang melantik dan;
- vii. Diperakukan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian / Dekan Fakulti / Rektor UiTM Cawangan) hakiki pensyarah.

7. Sila rujuk kepada prosedur lantikan pentadbir akademik yang dilampirkan bersama pekeliling ini (Lampiran 1).

### **PEKELILING BERKAITAN**

8. Pekeliling ini perlu dibaca bersama-sama:


- i. Pekeliling Akademik Bil. 6 / 2016: Penambahbaikan Penyetaraan, Penyeragaman Nomenklatur dan Kuasa Melantik Jawatan Pentadbir Akademik Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan;
- ii. Pekeliling Akademik Bil. 15 / 2021: Penambahbaikan Tugas dan Tanggungjawab Pengurusan Akademik di Universiti Teknologi MARA dan Kriteria Penubuhan Jabatan Pengajian di UiTM Cawangan.

### **TARIKH DIKELUARKAN**

9. Pekeliling ini dikeluarkan pada 13 Disember 2023.

### **TARIKH KUAT KUASA**

10. Pekeliling ini berkuat kuasa serta-merta.



**PROF. DATIN DR. SUZANA SULAIMAN**


Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:


- Semua Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian
- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)  
Tarikh : 13 Disember 2023  
Kategori Pekeliling : Prosedur

**LAMPIRAN 1: PROSEDUR LANTIKAN JAWATAN PENTADBIR AKADEMIK  
Penolong Naib Canselor / Dekan / Pengarah / Timbalan Dekan / Timbalan Rektor /  
Timbalan Pengarah**



**LAMPIRAN 1: PROSEDUR LANTIKAN JAWATAN PENTADBIR AKADEMIK**  
**Ketua Pengajian / Ketua Jabatan Pengajian / Ketua Pusat Pengajian / Ketua Unit PTJ**



**LAMPIRAN 1: PROSEDUR LANTIKAN JAWATAN PENTADBIR AKADEMIK  
Koordinator Bidang / Koordinator Program / Koordinator Unit PTJ**

